

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**OKTOBER 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan Projek ini yang disediakan

oleh

**MARYAM NADIAH ISHAK**

bertajuk

**LAPORAN KAJIAN AKHIR CADANGAN MEREKABENTUK KAFE DAN RUANG SANTAI KELAB COBRA DI LOT 7,  
LORONG UTARA B, JALAN UTARA, 46200 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan	:	_____	Pn. Suziyanty Hj. Matori
Koordinator Kursus	:	_____	En. Muhammad Suhaimi bin Musa
Koordinator Program	:	_____	Prof. Madya Dr Hj Mohd Sabrizaa bin Abd Rashid

## **Abstrak**

Cadangan kerja menaiktaraf kafe dan ruang santai kelab COBRA di Lot 7, Lorong Utara B, Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan adalah daripada klien saya yang memerlukan rekebentuk dan imej baru untuk kafe dan ruang santai kelab mereka. Mereka menginginkan sebuah kafe dan ruang santai yang lebih eksklusif dan menarik di rumah kelab mereka. Memandangkan persatuan mereka ini sangat dikenali dan rumah kelab mereka sering dikunjungi oleh banyak orang dari pelbagai negara, maka mereka berfikir tentang mempertingkatkan servis mereka dari pelbagai aspek dan salah satu daripadanya ialah menaiktarafkan ruangan kafe dan santai. Mereka mahukan konsep yang tepat agar penyampaian maklumat kepada pelanggan adalah tepat dan senang difahami. Akhir sekali, kajian-kajian dan pengumpulan data ini akan diterapkan di dalam proses merekabentuk untuk mendapatkan rekabentuk yang selesa dan menarik di samping imej dan gaya yang tersendiri seperti yang diinginkan oleh mereka.

Abstrak	i
Panghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Rajah	iv
Senarai Jadual	v
Senarai Lampiran	vi
Senarai Singkat Kata	

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

<b>BAB 1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	PENGENALAN	1
1.2	METODOLOGI KAJIAN	2
1.3	MATLAMAT KAJIAN	3
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	4
1.5	SKOP KAJIAN	5
1.6	HALANGAN KAJIAN	6
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	7
<b>BAB 2.0</b>	<b>KLIEN</b>	
2.1	LATARBELAKANG	9
2.2	CARTA ORGANISASI	10
2.3	MATLAMAT KLIEN	11
2.4	VISI DAN MISI KLIEN	12
2.5	IMEJ KORPORAT	13

<b>BAB 3.0</b>	<b>KAJIAN DAN ANALISA</b>	14
3.1	PENGENALAN	15
3.2	PELAN DAN LOKASI	16
3.3	ANALISA TAPAK	19
3.4	ANALISA BANGUNAN	25
3.5	RINGKASAN PENEMUAN	43
<b>BAB 4.0</b>	<b>KAJIAN KES</b>	46
4.1	KAJIAN KES 1	47
4.2	KAJIAN KES 2	56
4.3	KAJIAN KES 3	63
<b>BAB 5.0</b>	<b>PROJEK</b>	
5.1	PENGENALAN	65
5.2	KEHENDAK PELANGGAN	66
5.3	KEPERLUAN RUANG	67
5.4	KEPERLUAN KEMUDAHAN	70
5.5	SKOP KERJA	72
5.6	RUMUSAN	75
<b>BAB 6.0</b>	<b>CADANGAN REKABENTUK</b>	
6.1	PENGENALAN	76
6.2	CADANGAN REKABENTUK	80
6.3	PROSES SKEMA REKABENTUK	87
6.4	ELEMEN-ELEMEN REKABENTUK	97
6.5	CADANAGN REKABENTUK AKHIR	101
6.6	RUMUSAN	108



## 1.1 PENGENALAN

Projek yang dijalankan pada semester akhir ini ialah Cadangan Kerja Menaiktaraf Kafe dan Ruang Santai Kelab COBRA di Lot 7, Lorong Utara B, Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. COBRA ialah singkatan nama bagi persatuan Combined Old Boys' Rugby Association. Umumnya, COBRA adalah persatuan ragbi yang bergerak aktif dalam melahirkan banyak ahli sukan ragbi yang bertaraf antarabangsa.

Berdasarkan kamus Oxford ADVANCED LEARNER'S edisi ke-7, kafe bermaksud sebuah tempat untuk membeli minuman dan makanan yang ringkas serta mudah disediakan. Berdasarkan sumber yang sama, *lounge* pula membawa maksud ruang menunggu atau ruang santai. Sepanjang operasi kafe berjalan, antara aktiviti yang berlangsung di kafe ialah penyediaan makanan kepada pelanggan, pelanggan bersantai sambil menikmati makanan dan pelanggan menikmati hiburan jika ada. Antara ruangan yang kebiasaannya terdapat di dalam kafe ialah ruang makan, kaunter bayaran, ruang penyediaan makanan, dapur, pentas persembahan, tandas, stor dan pejabat urusan.